

Headline	Ekspedisi saintifik ke Taman Negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	52	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	181 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 995
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,985



Ekspedisi saintifik ke Taman Negara

SENAI - Seramai 150 penyelidik dan saintis daripada tiga institut pengajian tinggi dan agensi tempatan menyertai Ekspedisi Sainifik Taman Negara Johor Gunung Ledang 2011, baru-baru ini dalam usaha mengumpul data persekitaran fizikal dan ekosistem setempat.

Ekspedisi yang dijalankan selama tujuh hari berakhir semalam itu disertai Universiti Teknologi Mara (UiTM), Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Exco Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar, Tan Kok Hong, ekspedisi itu penting bagi



Kok Hong menurunkan tandatangan sebagai simbolik perasmian Ekspidisi Sainifik Taman Negara Johor Gunung Ledang 2011.

memperkuhkan lagi kekayaan khazanah hutan di negeri ini.

"Hutan bukan sahaja menyumbang pembangunan sosio-ekonomi, tetapi turut menyumbang faedah lain antaranya pemeliharaan tanah, menjaga kestabilan iklim dan proses memelihara kepelbagaian biologi.

"Sehubungan itu, usaha

melindungi dan memelihara khazanah hutan perlu diberi keutamaan semua lapisan masyarakat," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Kok Hong berkata, beliau berharap penemuan baru yang diperoleh melalui ekspedisi itu dapat dikumpul dan menjadi landasan kepada kerajaan negeri untuk mem-

bangunkan Taman Negara Johor sebagai kawasan ekopelancongan dan tapak ujian biodiversiti.

Sementara itu, Pengarah Perbadanan Taman Negara Johor, Suhairi Hashim berkata, hasil kajian dari ekspedisi yang dijalankan membolehkan pakar dalam pelbagai bidang berkongsi maklumat dan menjalankan penilaian sosioekonomi serta fungsi alam sekitar.

"Kajian ini juga membolehkan kerajaan menjalankan usaha pemeliharaan dengan lebih efisien bagi memastikan agenda biodiversiti dan kelestarian alam semula jadi.

"Ekspedisi ini juga dapat memberi pendedahan kepada masyarakat terhadap keistimewaan dan keunikan alam semula jadi di negeri ini," katanya.